



Melayu Dekad

009

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Melayu 5 Dekad



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Melayu 5 Dekad

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad



PENERBIT  PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PUSTAKA PERDANA



1009583



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

© Penerbit UiTM, UiTM 2012

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
e-mel: penerbit@salam.uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad

Melayu 5 dekad / Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 343

ISBN 978-967-363-291-6

1. Speeches, addresses, etc., Malaysian--History and criticism.
2. Malays (Asian people). I. Noor Junainah Masjuni. II. Judul.
808.85009

Reka bentuk kulit : Siti Suhaini Mazlan
Diatur huruf oleh : Ahmad Basrah Mohd Yasap
Rupa taip teks : Helvetica/Brush Script MT/Times
Saiz taip teks : 11/12

Dicetak di Malaysia oleh : Solidpress Sdn Bhd (385346-A)
No. 4, Jalan 14-56,
Kawasan F, Keramat Wangsa AU3,
54200 Kuala Lumpur.
Tel : 603-4106 9600 Fax: 603-4107 9400
E-mail: solidpress@gmail.com

808.85009
ABD

Kandungan

<i>Prakata</i>	vii
Bab 1: Pengenalan	1
<i>Pengenalan</i>	2
<i>Objektif Kajian</i>	2
<i>Metodologi Kajian</i>	3
<i>Kerangka Konsep</i>	7
Bab 2: Analisis Retorik Ucapan YTM Tunku Abdul Rahman Putera Alhaj	31
Bab 3: Analisis Retorik Ucapan YAB Tun Abdul Razak Hussein	87
Bab 4: Analisis Retorik Ucapan YAB Tun Hussein Onn	149
Bab 5: Analisis Retorik Ucapan YAB Tun Dr Mahathir Mohamad	209
Bab 6: Analisis Retorik Ucapan YAB Tun Abdullah Ahmad Badawi	283
Bab 7: Kesimpulan	329
Bab 8: Epilog	337
<i>Bibliografi</i>	343
<i>Indeks</i>	351

Dedikasi untuk anak Melayu ...

Prakata

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran saya sembahkan kehadiran Allah Subhanahu waTaala kerana dengan limpah kurniaNya akhirnya buku ini dapat diterbitkan.

Buku ini memuatkan kritikan dan kupasan akademik ke atas teks-teks ucapan terpilih yang telah disampaikan oleh mantan perdana menteri Malaysia dari Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sehinggalah Tun Abdullah Badawi, yang menyentuh persoalan Melayu.

Buku ini terdiri dari lapan bab semuanya. Bab pertama memperkenalkan pembaca kepada kerangka teori dan kaedah kajian yang dijalankan dalam menganalisis teks ucapan kelima-lima mantan perdana menteri yang dikaji. Ini diikuti bab yang kedua yang memuatkan hasil analisis dan kritikan ke atas teks ucapan perdana menteri yang pertama, Tunku Abdul Rahman Al-haj. Bab ketiga memuatkan perbincangan mengenai hasil analisis yang dibuat ke atas teks ucapan perdana menteri kedua, Tun Abdul Razak. Seterusnya, Bab keempat pula membicarakan hasil analisis yang dibuat ke atas teks ucapan perdana menteri Malaysia yang ketiga, Tun Hussein Onn. Bab kelima pula memuatkan perbincangan mengenai hasil analisis ke atas teks ucapan Tun Dr. Mahathir. Bab keenam membincangkan hasil analisis yang dibuat ke atas teks ucapan yang disampaikan oleh Tun Abdullah Badawi, perdana menteri kelima. Bab ketujuh pula memuatkan perbincangan yang menyeluruh hasil dari analisis dan kiritan yang dibuat ke atas teks ucapan terpilih kesemua lima perdana menteri yang menerajui pemerintahan negara dari tahun 1957 hingga 2007. Akhir sekali, bab kelapan merupakan epilog

yang memuatkan sedikit perbincangan mengenai transformasi orang Melayu dan ke mana mereka dalam lima dekad kedua pasca-merdeka nanti.

Ternyata analisis ke atas teks ucapan pemimpin negara ini berjaya memperlihatkan usaha dan hala tuju memajukan orang Melayu dalam lima puluh tahun pertama negara merdeka. Pendek kata jika kita mahu memahami usaha yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pemimpin untuk membangunkan orang Melayu, maka buku ini dapat sedikit sebanyak memberikan maklumat dan bukti akan usaha murni tersebut. Tidak ada cara yang lebih tepat untuk mengetahui pandangan pemimpin Melayu terhadap orang Melayu sendiri melainkan dengan menganalisis apakah yang telah diungkapkan oleh pemimpin tersebut mengenai anak bangsanya. Justeru buku ini memaparkan pandangan yang diluahkan oleh pemimpin Melayu dalam membangun dan memajukan orang Melayu dalam tempoh lima puluh tahun pertama selepas kemerdekaan negara.

Sebagai buku pertama yang memuatkan analisis sebegini, tentulah terdapat banyak kelemahan padanya. Justeru saya sangat bersikap terbuka kepada saranan, komen dan kritikan yang membina dari para pembaca, yang dengannya nanti diharapkan dapat memperbaiki lagi kandungan buku ini.

Akhir sekali saya ingin marakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Yayasan Kepimpinan Perdana yang telah bermurah hati membiayai projek penyelidikan ini. Usaha yayasan ini amat saya hargai kerana membuka ruang untuk dijalankan kajian yang lebih empirikal dan sistematik demi memahami perkembangan sejarah yang berlaku dalam negara khususnya terhadap masyarakat Melayu. Penghargaan juga saya rakamkan kepada pihak pengurusan dan kakitangan Arkib Negara Malaysia yang telah banyak membantu saya mendapatkan akses kepada dokumen lama termasuk teks ucapan mantan perdana menteri yang tidak ternilai harganya. Tanpa kerjasama mereka tentulah kajian ini tidak dapat dijalankan. Setinggi penghargaan juga saya berikan kepada isteri saya yang tercinta Kamarunisha Hameed yang telah memberikan sokongan, galakan dan motivasi untuk saya menyiapkan buku ini. Saya juga amat berterima kasih kepada anak-anak saya yang tersayang, Farhan, Nadiyah, Mikhail dan Khalili kerana sangat membantu memahami keperluan dan tanggungjawab untuk saya menyiapkan kajian dan buku ini, malah sanggup pula merelakan saya mencuri masa berharga bersama mereka demi mengusahakan penulisan ini. Kepada anak-anak